

PELABUHAN PERIKANAN CHENDERING, KUALA TERENGGANU
BAGAIMANA HENDAK MEMBUATKANNYA
LEBIH CEKAP

Mohd Bashir Saad

1986/87

B. S. (PERIKANAN)
FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.

C/M 305

LP 310

1000382924

ark

LP 11 FPSS 1 1987



1000382924

Pelabuhan perikanan Chendering, Kuala Terengganu bagaimana hendak membuatnya lebih cekap / Mohd Bashir Saad.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1000382924

30 SEP. 1996

Lihat sebelah

PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP
11
FPSS
1
1987

Pelabuhan Perikanan Chendering, Kuala Terengganu
Bagaimana Hendak Membuatkannya
Lebih Cepak.

Oleh :

Mohd. Bashir Saad

Laporan projek ini merupakan sebahagian
daripada keperluan untuk mendapatkan
Ijazah Bacelor Sains Perikanan

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

Oktober, 1986

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, baik secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

Ribuan terima kasih didahulukan kepada kedua orang penyelia projek iaitu Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim dan Kapten Mohammad Ibrahim bin Hj. Mohamad di atas tunjuk ajar, nasihat dan pandangan yang membina dalam menyediakan laporan ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Mohd. Safee bin Mohd, Pengurus Pelabuhan Perikanan Chendering dan kakitangannya atas kerjasama yang tidak ternilai semasa penyelidikan dijalankan.

Tidak lupa ucapan terima kasih ditujukan kepada kesemua kakitangan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera, Kuala Terengganu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kompleks Pendaratan Ikan Pulau Kambing, Kilang Air Batu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Chendering, Jabatan Laut Terengganu, Jabatan Parit dan Taliair Terengganu, JICA serta kesemua nelayan-nelayan dan pengguna-pengguna pelabuhan yang sudi memberi kerjasama dan sudi ditemuramah.

Tanpa kerjasama sepenuhnya dari mereka, projek penyelidikan ini tidak akan mencapai kemajuan seperti yang diharapkan.

Penulis

Abstrak

Satu penyelidikan ke atas kecekapan Pelabuhan Perikanan Chendering telah dibuat. Kajian telah dilakukan ke atas kemudahan-kemudahan yang terdapat pada dua fasa utama, iaitu fasa perairan dan fasa darat. Kajian keatas fasa perairan ditumpukan kepada aspek-aspek kedalaman, kemampuan berlabuh, keadaan dalam takungan, laluan masuk, benteng pemecah ombak dan kemudahan panduan pelayaran. Sementara aspek-aspek yang ditumpukan pada fasa darat ialah dari segi kemudahan dermaga pendaratan, dewan perlelongan, kemudahan bekalan input, sambungan jalanraya dan sistem-sistem jalan untuk kemudahan pengangkutan, tempat meletak kereta dan sebagainya. Beberapa kekurangan kemudahan infrastruktur dan kelemahan-kelemahan juga telah dikenalpasti.

Pada fasa perairan, masalah kedalaman merupakan masalah utama yang dihadapi. Terdapat beberapa kawasan di dalam takungan mempunyai kedalaman yang kurang dari 1 meter disebabkan oleh pemendakan pasir akibat dari hanyutan pasir. Dari segi keluasan, takungan pelabuhan mampu menampung lebih dari 150 buah bot yang berlabuh dalam satu masa dengan selamat dari aktiviti-aktiviti ombak dan angin kencang.

Di fasa darat pula, tidak banyak masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna pelabuhan. Hanya 40% sahaja dari dermaga yang dikhaskan untuk pendaratan tangkapan telah digunakan. Cuma masalah yang dihadapi di sini khususnya oleh nelayan bot kecil ialah kesulitan untuk menaikkan hasil tangkapan ke atas dermaga yang tingginya tiga meter dari paras laut. Dewan perlelongan juga belum digunakan dengan sepenuhnya, hanya lebih kurang 20% sahaja yang telah di gunakan.

Dari kajian-kajian yang dijalankan, didapati Pelabuhan Perikanan Chendering mampu mengendalikan kesemua bot-bot nelayan yang terdapat di Daerah Kuala Terengganu Selatan, sekiranya beberapa perubahan dari segi amalan khususnya dan beberapa tambahan dilakukan.

Abstract

A study on the efficiency of the Chendering Fishing Port was carried out. A research was carried out on the facilities in two phases, that is inshore and onshore phases. Research on the inshore phase was based on number of aspects, such as depth, berthing efficiency, harbour basin condition, port entrance approach, breakwater and navigational aid facilities. While the aspects on the land phase was focussed on the landing quay, auction hall, input supply facilities, transportation network and access road system for transport facilities, parking facilities, etc. A number of weakness and inadequate facilities in the infrastructure were recognized.

For the inshore phase, depth was the main problem encountered. A number of areas in basin were less than one meter deep mainly because of sedimentation from drifting about 150 boats at a time against strong wind and wave action.

Port users did not encounter much onshore problem. About 40% of the available quay was utilized for catch landing. However the berth was too high by three metres for fishermen with small boats to land their catch. The auction hall too was still under utilized, only about 20% of it were utilized.

From the study that was carried out, the Chendering Fishing Port can handle all the fishing vessels in Southern Kuala Terengganu district if some minor changes are introduced in the present practices and with added facilities.